

Pak Lah mahu pemimpin Umno ikut Dr M

BH 31/10/03

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pemimpin Umno di semua peringkat mencontohi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatupadukan semua golongan dalam Umno sehingga menjadikan Umno, parti yang bersatu padu, berdaya maju dan berjaya.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, mereka harus mengikut contoh itu bagi memastikan tiada golongan yang terencil, rasa tidak diambil peduli dan berbalah sesama sendiri.

Beliau berkata, Dr Mahathir ternyata seorang pemimpin yang berwibawa dan berjiwa besar kerana walaupun menghadapi rintangan dan masalah di dalam dan luar negara, beliau dapat menyatupadukan semua golongan dalam Umno.

"Ini satu contoh teladan untuk diikuti. Ketua bahagian Pemuda, Wanita perlu ikut contoh ini. Satu padukan semua golongan dalam Umno, yang penting Umno bersatu padu, berdaya maju kerana hanya dengan ini Umno menjadi satu parti yang kuat," katanya sebelum majlis berbuka puasa bersama Presiden dan Timbalan Presiden Umno di sini, semalam.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, ahli Umno juga mesti membuktikan dan meyakinkan semua pihak bahawa Umno adalah parti yang berjuang untuk Islam dan orang Islam.

Katanya, menerusi Umno martabat syiar Islam diangkat sehingga negara ini diiktiraf banyak pihak sebagai sebuah negara Islam.

"Ini satu kejayaan yang sama-sama kita rasai. Terima kasih atas sumbangan yang diberi," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di Istana Negara hari ini, menyuarakan rasa sedihnya kerana Dr Mahathir tidak akan lagi bersama-sama dengan Umno sebagai Presiden.

Namun, katanya, Umno gembira apabila Dr Mahathir memberi jaminan akan tetap bersama-sama dan membantu Umno, sekali pun sebagai ahli biasa, sebagaimana Umno memberi sokongan kepada beliau selama ini.

Sebelum itu, Abdullah pada sidang media bersama Dr Mahathir selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, berkata MT menghargai tunjuk ajar dan kepemimpinan yang telah diberikan oleh Dr Mahathir.

"Umno akan terus berjuang dan mencapai kejayaan yang lebih besar lagi dan meneruskan pendekatan sedia ada," katanya yang turut mewakili ahli MT mengucapkan selamat bersara serta mendoakan Dr Mahathir menikmati kesihatan yang baik dan dipanjangkan umur.

Sementara itu, pada majlis yang dihadiri ribuan ahli Umno dari seluruh negara, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub berkata, Umno akan mengadakan satu acara khas selepas bulan puasa bagi menyatakan tanda penghargaan dan terima kasih kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata tarikh acara itu akan ditentukan sendiri oleh Dr Mahathir.